

Headline	BUKIT LAGONG ADA TARIKAN		
Media Title	Harian Metro		
Date	07 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Santai	Circulation	112,705
Page No	35	Readership	338,115
Language	Malay	Article Size	826 cm ²
Journalist	Hafiz Ithnin	Ad Value	RM 32,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,245



Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Bukit Lagong, sebenarnya sebuah nama yang agak asing kepada penulis memandangkan tidak pernah langsung mengetahui mengenainya.

Sebaik sahaja memulakan pendakian ke bukit itu yang berketinggian 572 meter ternyata perjalanannya cukup menarik apatah lagi sepanjang aktiviti pendakian sinaran matahari menembusi daun-daun dalam gelap hutan yang memukau pemandangan.

Berkesempatan menyertai aktiviti pendakian itu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang

lalu membuatkan penulis terpenggil untuk berkongsi pengalaman mengenainya.

Menerokainya menerusi pintu masuk di Kampung Orang Asli Ulu Kuang di Selangor hanya mengambil masa kira-kira 45 minit pemanduan ke lokasi berkenaan.

Penulis difahamkan untuk ke sana terdapat beberapa akses pintu masuk selain di Kampung Orang Asli Ulu Kuang iaitu di Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Kampung Orang Asli Sungai Buloh dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Memulakan pendakian kira-kira 9 pagi menggunakan penunjuk arah Orang Asli dari Kampung Orang Asli Ulu Kuang, sememangnya satu pengalaman yang menarik

BUKIT LAGONG ADA TARIKAN

Lanskap semula jadi pendakian pada ketinggian 572 meter jadi tumpuan peminat aktiviti lasak



SINARAN matahari menembusi hutan amat mempesonakan.



MELALUI perkampungan penduduk setempat untuk memulakan pendakian.



ANTARA air terjun yang boleh dinikmati pendaki.



PENULIS bersama rakan-rakan di puncak Bukit Lagong.

kerana keramahan mereka menceritakan pelbagai ilmu hutan.

Pada awal pendakian sahaja, penulis dihidangkan dengan deruan Air Terjun Gajah Jatuh yang cukup mendamaikan.

Ketika mula memasuki isi hutannya pula hanya perlu merentasi laluan mendatar dan penulis bersama rakan-rakan pendaki yang lain boleh dikatakan banyak berhenti kerana mengambil gambar di bawah sinaran matahari yang melalui celah-celah daun dengan panorama yang memukau.

Sepanjang pendakian sejauh 5.5 kilometer itu, kami juga menyusuri sungai utama iaitu Sungai Kuang dan beberapa anak sungai lain antaranya Sungai Manau, Sungai Genel dan Sungai Kepong.

Beberapa kali juga kami berhenti untuk menikmati

keindahan laluan sungai berkenaan sehingga tidak terasa gigitan sang pacat sedang mengisi perutnya!

Perjalanan naik hanya mengambil masa empat jam sahaja dan terdapat dua laluan berbukit yang perlu didaki sebelum sampai ke puncaknya.

Ketika hampir tiba di puncak ternyata keadaan sekelilingnya bersemak tebal mungkin kerana lokasi itu jarang dikunjungi.

Di puncaknya pula terdapat sebuah stesen trigonometri atau triangulasi. Pemandangannya pula tidaklah begitu terbuka.

Bagi penulis pendakian ke Bukit Lagong bukan kerana puncaknya tetapi perjalanan yang mempunyai panorama lanskap semula jadi yang menarik menjadi tarikan utama ke sana.



TERDAPAT pelbagai ketukunan fauna di sepanjang laluan pendakian.